

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 OGOS 2016 (AHAD)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Unimap terima MS ISO 9001:2015	Mingguan Malaysia
2.	Membangunkan usahawan-bio tempatan melalui BioNexus dan BioShoppe	Mingguan Malaysia

Unimap terima MS ISO 9001:2015

KANGAR 20 Ogos - Universiti Malaysia Perlis (Unimap) mencatat sejarah tersendiri apabila muncul sebagai universiti pertama di negara ini yang menerima pensijilan MS ISO 9001:2015 daripada **SIRIM QAS Sdn. Bhd.**, baru-baru ini.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Zul Azhar Zahid Jamal berkata, pencapaian itu bermakna Unimap berjaya mencapai sasaran seperti ditetapkan oleh bekas Naib Canselornya, Prof. Emeritus Datuk Dr. Kamarudin Hussin untuk muncul sebagai Universiti Awam (UA) pertama yang

memperoleh pensijilan itu.

“Kejayaan ini diperoleh selepas Unimap berjaya melepasi audit pensijilan semula dan naik taraf oleh SIRIM QAS pada awal Jun lalu dan pengiktirafan ini sah digunakan sehingga Julai 2019,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Zul Azhar berkata, beliau berbangga dengan pencapaian itu dan merupakan hasil kerja keras Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti yang bertanggungjawab sebagai penyelaras Sistem Pengurusan Kualiti Unimap.

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (RENCANA) : MUKA SURAT 32
TARIKH : 21 OGOS 2016 (AHAD)

TEKNO

Membangunkan usahawan-bio tempatan melalui BioNexus dan BioShoppe

Oleh **KHAIRUNNISA SULAIMAN**
nisa.sulaiman@utusan.com.my



MALAYSIAN Bioeconomy

Development Corporation (Bioeconomy Corporation dahulu dikenali sebagai BiotechCorp)

mempunyai peranan penting bagi membantu perkembangan syarikat tempatan dalam industri bioteknologi dan berasaskan bio.

Memegang mandat Polisi Bioteknologi Kebangsaan (NBP), menjelang tahun 2020, Malaysia bakal menjadi pemain global program Bioteknologi dan menjaga sekurangnya 20 syarikat Malaysia bertaraf global, selaras sasaran fasa terakhir NBP, 'Global Business' dari tahun 2016 hingga 2020.

Program BioNexus dilancarkan pada tahun 2006 untuk menyokong dan membina rangkaian syarikat bioteknologi dengan memberikan status BioNexus. Status BioNexus ialah pengiktirafan kerajaan melalui Bioeconomy Corporation kepada syarikat mempunyai komponen berasaskan bio dalam aktiviti perniagaan.

Melalui status BioNexus, syarikat menerima pelbagai insentif fiskal dan sokongan, antaranya pengurangan cukai 100 peratus ke atas pendapatan bertukai untuk 10 tahun taksiran berturut-turut bermula tahun pertama syarikat memperoleh pendapatan. Selain bantuan kewangan untuk mengembangkan perniagaan, khidmat nasihat perniagaan dan regulatori.

Bioeconomy Corporation menawarkan program keusahawanan kepada syarikat BioNexus sebagai persiapan usahawan bio tempatan menjadi peserta global. Ini sebagai langkah meningkatkan keupayaan usahawan serta membangunkan lebih ramai usahawan berasaskan bio.

Sejak diasaskan, program BioNexus telah memainkan peranan penting membangunkan syarikat berasaskan bio. Jun lalu, Bioeconomy Corporation berjaya membina rangkaian 274 syarikat berstatus BioNexus telah menerima RM7 bilion dalam bentuk pelaburan, menyumbang 11,000 pekerjaan dan

lebih 3,800 pekerja berpengetahuan.

Sebanyak 54 peratus syarikat BioNexus di peringkat baru mula, 43 peratus adalah SME dalam peringkat pembangunan: SME-Micro, SME-Kecil dan SME-Sederhana.

Syarikat baru mula dan pembangunan SME menjadi komponen penting dalam agenda bioekonomi dan tulang belakang ekonomi. Berdasarkan statistik kerajaan, perniagaan kecil dan sederhana membentuk lebih 95 peratus daripada semua perniagaan sektor pembuatan, perkhidmatan dan pertanian, menyumbang 65 peratus tenaga kerja. Ini memberi sumbangan kepada ekonomi dengan membentuk persaingan di dalam pasaran dan menggalakan inovasi.

Bioeconomy Corporation sentiasa menyokong perkembangan syarikat BioNexus, terutama syarikat baru mula dan SMEs dengan memberi peluang memasuki pasaran melalui kedai konsep BioShoppe. BioShoppe - sebuah kedai konsep diperkenalkan oleh Bioeconomy Corporation sebagai platform membantu syarikat BioNexus memasarkan produk ke pasaran domestik.

BioShoppe merupakan inisiatif Bioeconomy Corporation mempercepatkan proses dari sains ke pengkomersialan dengan menegenahkan produk berasaskan bio tempatan syarikat BioNexus dan memasarkannya di bawah satu jenama dan membantu meningkatkan kesedaran dan penerimaan produk bio di Malaysia.

Memasarkan produk BioNexus di bawah BioShoppe dapat mengurangkan kos operasi dan membantu syarikat BioNexus mendapat pasaran lebih baik. Ini memberi peluang kepada syarikat menajana lebih banyak produk bioteknologi, sekali gus menjadikan jualan barangan Malaysia lebih tinggi. Pertumbuhan dan perkembangan produk boleh membantu perniagaan tempatan menembusi arena antarabangsa.

Produk BioShoppe hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) syarikat BioNexus secara in house atau usahasama dengan institut penyelidikan dan universiti tempatan. Terdapat 300 unit penyimpanan stok (SKU) di BioShoppe dari 25 syarikat BioNexus. Produk BioShoppe merangkumi



PELANCARAN kedai bioshoppe di Kedah.

suplemen kesihatan, produk penjagaan diri, kecantikan dan aromaterapi.

Produk ini mematuhi syarat pengawasan Agensi Regulatori Farmasetikal Kebangsaan dan dikeluarkan di kilang bertaraf GMP, menjadikan produknya lebih baik atau setaraf produk import.

BioShoppe diperkenalkan kali pertama semasa BioMalaysia 2013 di Johor Bahru. Bagi merealisasikan penubuhan BioShoppe sebagai kedai tersendiri, BioShoppe dilancarkan sebagai kedai dalam kedai dan diberi ruang istimewa di Nova Store, IOI Mall, Puchong pada Julai 2014, di mana produk BioNexus dipamerkan secara berasingan. Ini hasil kerjasama

Nova Laboratories Sdn Bhd, salah satu syarikat BioNexus, dengan Bioeconomy Corporation bagi meningkatkan kevakinan pengguna terhadap produk BioNexus.

Ekoran kejayaan BioShoppe di Nova Store, Bioeconomy Corporation telah bekerjasama dengan entiti swasta lain untuk membuka outlet BioShoppe seluruh Malaysia. Kini, BioShoppe ditempatkan di Life Springs Farmasi (Mont Kiara), Super Pharmacy Megastore (SS19, Petaling Jaya) dan Sutra Shoppe (Seremban 2) serta platform online seperti Lazada.com dan Amaxmall.com.

Ruang BioShoppe di Sutra Shoppe Seremban hasil kerjasama Bioeconomy Corporation dan

KEDAI bioshoppe membantu usahawan bioteknologi memasarkan produk mereka.

Tropical Bioessence Sdn. Bhd., sebuah syarikat BioNexus, Kerjasama Nova Laboratories dan Tropical Bioessence menjayakan BioShoppe menunjukkan kepentingan kolaborasi SMEs dan agensi kerajaan.

Satu lagi kejayaan BioShoppe baru-baru ini adalah pelancaran outlet BioShoppe di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Alor Setar, Kedah 30 Julai lalu.

Kerajaan Negeri Kedah memberi sokongan dan kerjasama menubuhkan cawangan BioShoppe pertama di wilayah utara Malaysia. Idea pembukaan BioShoppe di Kedah bermula pada tahun 2014 semasa penglibatan BioShoppe dalam majlis BioPartnering (Utara) yang dirasmikan oleh bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Ketika itu kerajaan Kedah berminat dengan konsep BioShoppe dan berhasrat bekerjasama dengan Bioeconomy Corporation untuk membuka cawangan BioShoppe di Alor Setar. Cadangan kerjasama Bioeconomy Corporation dan Kedah BioResources Corporation Sdn. Bhd. (KBioCorp) ditandatangani pada 15 Mei 2014. KBioCorp merupakan anak syarikat Kulim Technology Park Corporation (KTPC).

Tujuan BioShoppe di Kedah adalah menyediakan platform

pasaran bagi produk keluaran syarikat BioNexus wilayah utara. Usahawan di dalam BioShoppe @ Kedah dapat mengembangkan pendapatan isi rumah 40 peratus rendah (isi rumah B40) melalui Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP), program utama bioekonomi dijalankan Bioeconomy Corporation untuk membantu masyarakat B40 luar bandar. Ini susulan Rancangan Malaysia Keseluruhan (RMKe-11) dari 2016 hingga 2020 bagi mempertingkatkan ekonomi rakyat di samping memastikan ekonomi negara terus berkembang.

Di bawah BCDP, hasil bahan mentah petani luar bandar digunakan bagi memenuhi permintaan syarikat BioNexus dalam BioShoppe melalui mekanisme jaminan belian balik. Selain meningkatkan pendapatan dan pengeluaran petani melalui teknologi berasaskan bio, petani mendapat hasil tanaman lebih banyak, berkualiti dan bernilai tinggi serta meningkatkan kemahiran dan pengetahuan. Usahawan di utara Malaysia bukan sahaja dapat mengembangkan perniagaan melalui BioShoppe, malah melibatkan diri dalam program BCDP bagi membantu meningkatkan taraf hidup isi rumah B40 luar bandar.

BioShoppe salah satu platform penting untuk mengukuhkan dan melahirkan usahawan tempatan dalam industri berasaskan bio dan syarikat BioNexus yang kompetitif dan bertaraf global. Kejayaan BioShoppe setakat ini menunjukkan peningkatan pengkomersialan dalam industri berasaskan bio serta penerimaan produk berasaskan bio tempatan.

Usahasama swasta dan awam harus diteruskan bagi menjayakan BioShoppe dan membangunkan usahawan tempatan. Bioeconomy Corporation berharap lebih ramai usahawan tempatan berminat membuka cawangan BioShoppe di seluruh negara dan memacu pengkomersialan inovasi berasaskan bio di Malaysia.